

Ayat Tunggal dan Ayat Majmuk

AYAT TUNGGAL : - Ayat yang mengandungi SATU SUBJEK dan SATU PREDIKAT.

- Contoh: Mereka bermain bola sepak di padang.

Encik Tan membacakan anak-anaknya cerita.

Aini memilih beberapa buah buku cerita di kedai buku.

AYAT MAJMUK : - Ayat yang terdiri daripada BEBERAPA AYAT TUNGGAL.

- ayat tunggal yang disambungkan menggunakan **kata hubung** seperti dan, atau, sambil, tetapi, kerana, lalu, *yang*, *bahawa*, *untuk*, *supaya*


- Contoh: ▶ Pemain **yang** handal itu ialah Raju.

▶ Encik Lee membeli sebuah buku **untuk** Guan Hong.

▶ Mereka berjalan **sambil** berbual.

▶ Encik Tan menemani anaknya **sama ada** pada hujung minggu **atau** hari cuti.

▶ Puan Lee memaklumkan **bahawa** anaknya disahkan positif covid.



Latihan Ayat Tunggal dan Ayat Majmuk

Nama :

Arahan: Kenal pasti sama ada ayat-ayat di bawah Ayat Tunggal (AT) atau Ayat Majmuk (AM).

1. Cikgu Khairul mengajar Bahasa Melayu.

2. Zairul suka membaca buku cerita dan melukis.

3. Baju itu mahal tetapi tidak berkualiti.

4. Haris dan Amelia sedang bermain buaian di taman permainan.

5. Saleh membantu Edward menyusun buku.

6. Aleeya mengutip sampah lalu membuang sampah ke dalam tong sampah.

7. Encik Arif memaklumkan bahawa anaknya sakit.

8. Ibu mengambil pakaian dari mesin basuh lalu menjemurnya di luar rumah.
